

# GANYANG MALAYSIA

Oleh Jafarizan Md. Juli dan Nurzuliana Kamaruzaman,  
Arkib Negara Malaysia


**T**AHUKAH anda, "konfrontasi Indonesia-Malaysia" merupakan antara konflik yang pernah tercetus semasa penubuhan Malaysia suatu ketika dahulu? Bersempena dengan sambutan Hari Malaysia pada bulan ini, ruangan Arkib Negara Malaysia akan mengupas isu konfrontasi Indonesia-Malaysia dengan lebih lanjut.

Sekitar tahun 1963 sehingga 1966, Indonesia dan Malaysia menghadapi krisis dan sengketa yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk kedua-dua buah negara ini. Pada ketika itu, wujudnya istilah "Ganyang Malaysia" yang merupakan cabaran besar buat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana Tanah Melayu baru memperoleh kemerdekaan serta masih baru dalam pengurusan konflik dan politik.

Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat*, istilah "konfrontasi" bermaksud persemukaan atau keadaan saling berhadapan antara dua pihak yang bertentangan atau berselisihan faham antara satu sama lain. Konfrontasi juga boleh didefinisikan sebagai perbuatan memusuhi atau menentang sesuatu pihak yang lain.

Konfrontasi Indonesia-Malaysia berlaku apabila Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Merdeka, bersetuju untuk menubuhkan Malaysia yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah (Borneo Utara) pada 31 Ogos 1963. Cadangan awal kepada pembentukan Malaysia ini telah dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman sejak 27 Mei 1961 dan disusuli memorandumnya kepada Harold Macmillan, Perdana Menteri British, yang bertarikh 26 Jun 1961. Gagasan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman bertujuan membantu membebaskan wilayah British di Borneo daripada penjajahan dan menyekat pengaruh komunis, meningkatkan kemajuan ekonomi setempat, mengimbangi jumlah penduduk, dan mempercepat proses kemerdekaan Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah.

Walau bagaimanapun, hasrat murni Tunku ini mendapat tentangan daripada pelbagai pihak, termasuk Filipina yang



Konfrontasi Indonesia - Malaysia. Lakaran animasi. 01.01.1965.

ketika itu ditadbir oleh Presiden Macapagal, yang membantah penyertaan Sabah kerana mendakwa wilayah itu sebahagian daripada Filipina dan isu pemilikan wilayah itu perlu dahulu diselesaikan sebelum Sabah menyertai Malaysia. Selain itu, Indonesia yang ketika itu ditadbir oleh Presiden Soekarno telah membantah cadangan tersebut kerana menganggap gagasan Malaysia hanya sebagai alat neokolonialisme (fahaman kolonial baharu) yang bertujuan untuk mengepung dan memusnahkan republik itu. Hal ini, akhirnya mencetuskan konfrontasi Indonesia-Malaysia. Tambahan pula, pemberontakan di Brunei pada 8 Disember 1962, yang akhirnya menyebabkan Brunei juga menarik diri atas alasannya yang tersendiri, dijadikan alasan oleh Indonesia untuk membantah pembentukan Malaysia. Isu pemberontakan di Brunei dijadikan alasan bagi Indonesia dengan menyatakan bahawa rakyat Borneo juga menentang penyertaan mereka dalam Malaysia.

Pada 29 Ogos 1963, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra Ibnu Al-Marhum Syed Hassan Jamalulail menandatangani

pengisytiharan pemasyhuran 16 September 1963 sebagai Hari Malaysia. Pengisytiharan ini dilakukan lebih awal kerana persetujuan yang dicapai di London pada 9 Julai 1963 antara kerajaan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak, dan British sebelumnya menetapkan bahawa Malaysia ditubuhkan pada 31 Ogos 1963. Namun begitu, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak dapat menyiapkan laporannya sebelum 31 Ogos 1963, menyebabkan penubuhan Malaysia perlu ditangguhkan sehingga laporan tersebut siap. Laporan tersebut dijangkakan siap pada 14 September 1963. Rentetan daripada itu, Malaysia berjaya ditubuhkan pada 16 September 1963, kerana majoriti penduduk di Borneo Utara dan Sarawak bersetuju dengan penubuhannya. Kemahuan

rakyat mengenai penubuhan Malaysia juga dibuktikan menerusi laporan Suruhanjaya Cobbold dan disahkan oleh perwakilan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pendirian dan sikap Soekarno yang menuduh Tanah Melayu sebagai negara neokolonialisme ini jelas menjadi salah daripada punca utama yang menyebabkan reaksi konfrontasi Indonesia - Malaysia. Indonesia juga melancarkan gerakan "Ganyang Malaysia" dan mengadakan pelbagai sekatan politik, sosial, perdagangan, dan ekonomi terhadap Malaysia. Hal ini telah menjadikan keadaan di kedua-dua buah negara ini semakin runcing. Usaha dan perjuangan Indonesia menentang penjajahan dan imperialisme Barat belum tamat walaupun isu Irian Barat berjaya diselesaikan.

Ekoran daripada pendirian tersebut dan juga hasutan daripada Parti Komunis Indonesia yang menyatakan penyetujuan ini merupakan tipu helah British, Soekarno telah mengarahkan tenteranya agar bersiap sedia menyerang Tanah Melayu dan wilayah dalam gagasan Malaysia selepas memenangi pertikaian isu Irian Barat. Konfrontasi ketenteraan terhadap Malaysia berlarutan sehingga 1965.

Bagaimanakah Indonesia menyatakan tentangan dan tindak balasnyanya terhadap pembentukan Malaysia? Benarkah Indonesia menyerang Malaysia? Pastikan anda memiliki siri dua "Konfrontasi Indonesia - Malaysia" keluaran Oktober 2016 untuk merungki persoalan ini. 


## GALERI



Tunku Abdul Rahman mengunjungi kediaman rasmi Macmillan di Downing Street, London.



Memorandum Tunku Abdul Rahman kepada Harold Macmillan, Perdana Menteri British, mengenai gagasan Malaysia.



Tunku Abdul Rahman Putra berucap dalam upacara penandatanganan Perjanjian Malaysia pada 8 Julai 1963 yang dihadiri oleh wakil dari Malaysia, Britain dan Singapura.



Pengisytiharan Malaysia, yang ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman.